

KENYATAAN MEDIA

900 PEKERJA SWM ENVIRONMENT MELAKA BERTUGAS PADA HARI RAYA PERTAMA

MELAKA, 26 MAC 2025 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) akan memberi tumpuan khas operasi di 76 lokasi *hotspot* tong sampah berpusat di seluruh negeri Melaka dalam usaha mengawal longgokan sampah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tn Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, tumpuan operasi akan diberikan kepada kawasan hotspot iaitu:

- **37 lokasi** di kawasan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)
- **14 lokasi** di Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)
- **19 lokasi** di Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)
- **6 lokasi** di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

“Jumlah hotspot tong berpusat pada kali ini berjaya dikurangkan berbanding tahun lalu, membuktikan peningkatan kesedaran masyarakat dalam pengurusan sisa. Ini membantu mengawal limpahan sisa di seluruh negeri Melaka.

Operasi khas Hari Raya kali ini akan dijalankan bermula **28 Mac hingga 3 April 2025** yang membabitkan **900 tenaga kerja dan 146 unit jentera** pelbagai kegunaan. Fasa Strategi Hari Raya kali ini turut memberikan tumpuan kepada **operasi kutipan berjadual sisa domestik dan pukal, operasi pembersihan di pusat bandar, pantai, tempat awam, medan selera, pasar awam dan tandas awam.**

“Bagi **Operasi kutipan sisa domestik**, jadual kutipan **akan diawalkan kepada jam 12 tengah malam pada malam Hari Raya pertama dan kedua.** Sementara itu, **Operasi Roro/Tipper akan membuat kutipan lebih awal pada hari Ahad, 30 Mac bagi jadual hari Isnin (31 Mac)** sebelum kembali kepada jadual asal pada Selasa (1 April),” katanya.

Bagi memastikan keselamatan dan kebersihan persekitaran, orang ramai **dinasihatkan agar membuang sisa bunga api dan mercun dengan betul** selepas digunakan. **Jangan biarkan sisa bahan mudah terbakar ini berselerak** di tempat awam atau dicampur dengan sampah biasa. Gunakan tong sampah yang disediakan atau kumpulkan dalam plastik tertutup sebelum dibuang ke dalam tong sampah bagi mengelakkan sebarang risiko kebakaran.

Kerjasama dan sokongan semua pihak amat diharapkan bagi memastikan kelancaran operasi ini. Orang ramai disarankan agar tidak menghalang laluan kenderaan kutipan sisa, mengasingkan sisa makanan dan bahan kitar semula dan memanfaatkan perkhidmatan kutipan +1 seminggu sekali untuk pelupusan sisa pukal, sisa taman dan barangan kitar semula.



Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia di 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM Environment di 012-618 0082.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi.

Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swm-environment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa yang dijana oleh masyarakat dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) berimpak tinggi yang menjurus kepada kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar termasuk Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), pendigitalan program kitar semula berganjaran dan pengkomposan sisa makanan bagi meningkatkan kesedaran awam ke arah Ekonomi Kitaran (Circular Economy).

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran iaitu KITAREcycle di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. KITAREcycle bertujuan menggalakkan orang ramai untuk mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan tin aluminium dan memperoleh mata ganjaran (RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian.

Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com